

**Kerajaan Hargai Sumbangan Dan Pengorbanan Pertubuhan Bukan Kerajaan
Bernama
25 Ogos, 2012**

KUALA LUMPUR, 25 Ogos (Bernama)-- Kerajaan menghargai sumbangan dan pengorbanan pertubuhan bukan kerajaan seperti Yayasan Kebajikan Netaji kerana memahami keadaan dan keperluan masyarakat dengan lebih dekat," kata Timbalan Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Maglin Dennis D'Cruz.

Beliau dalam ucapannya berkata sumbangan yang dihulurkan yayasan tersebut menggalakkan pembangunan modal insan berkualiti tinggi yang diperlukan untuk membentuk sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

"Saya percaya pengorbanan anda (Yayasan Kebajikan Netaji) akan diberi ganjaran kerana sumbangan yang telah anda berikan untuk kebaikan masyarakat," katanya ketika berucap pada majlis sambutan ulang tahun ke-15 yayasan berkenaan.

Yayasan tersebut yang dilancarkan pada 1998 menghulurkan pelbagai sumbangan antaranya pemberian biasiswa kepada pelajar sekolah menengah dan menjalankan program inisiatif kutipan dana.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=689863>